



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PENUBUHAN MAJLIS SEJARAWAN NEGARA

PUTRAJAYA, 19 September 2024 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Arkib Negara Malaysia (ANM) menyambut baik cadangan yang diutarakan oleh YAB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri yang telah meminta agar semua sejarawan dapat bersama-sama di bawah satu bumbung iaitu Majlis Sejarawan Negara. Beliau turut berkata supaya majlis berkenaan menjadi badan autoritatif paling unggul untuk menentukan bahawa sejarah negara ini mesti ditulis berdasarkan fakta yang mengeneipkan sebarang perbezaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata bahawa KPN akan menggerakkan usaha untuk menubuhkan Majlis tersebut. Fokus Majlis ini adalah berkaitan aspek kajian, rujukan sumber, penulisan, penerbitan dan pendidikan sejarah (silibus) serta advokasi. Majlis ini juga memainkan peranan yang signifikan dalam menangani isu penyelewangan sejarah yang boleh mengganggu gugat kestabilan, keamanan dan keharmonian negara. Matlamatnya adalah untuk memperkasa perpaduan dan pemantapan jati diri serta pengukuhan negara bangsa dalam kalangan rakyat Malaysia.

Setelah ditubuhkan kelak nanti keahlian Majlis ini akan terdiri daripada pakar sejarah, ahli akademik dan badan bukan kerajaan yang berkaitan. Manakala, keurusetiaan Majlis ini adalah di bawah tanggungjawab ANM. Ketika di peringkat antarabangsa, beberapa buah negara telah mempunyai majlis seperti ini antaranya **Filipina** (*The National Historical Commission of the Philippines*), **Amerika Syarikat** (*National Council on Public History*), **Perancis** (*Commission Nationale de l'Histoire*) dan lain-lain.

Sejarah penting kerana ia memberikan kita pemahaman tentang identiti dan budaya sesebuah masyarakat. Ia membolehkan kita belajar daripada kejayaan dan kesilapan masa lalu, membimbing keputusan masa kini dan masa depan. Selain itu, sejarah mengajar nilai-nilai seperti toleransi dan perpaduan, membantu kita menghargai pelbagai perspektif. Melalui pemahaman sejarah, kita dapat membina masyarakat yang lebih berpengetahuan dan berdaya tahan.

Sehubungan dengan itu, Menteri Perpaduan Negara turut berkata bahawa Majlis Sejarawan Negara ini dapat memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk masa depan negara melalui pemahaman yang mendalam terhadap sejarahnya. Melalui penubuhan Majlis ini, Malaysia akan mendapat manfaat kerana mempunyai satu badan khusus yang memastikan fakta sejarah negara tidak dimanipulasikan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Kementerian Perpaduan Negara
20 September 2024